

## **Menuju Ummah Al-Falah Melalui Maqasid Syariah: Majlis Agama Islam Selangor**

MOHD DALY DAUD  
mohddaly@kuis.edu.my

WAWARAH SAIDPUDIN  
wawarah@kuis.edu.my

MD. ROZALAFRI JOHORI  
rozalafri@kuis.edu.my

NOR 'ADHA ABD HAMID  
noradha@kuis.edu.my

ABDUL HADI AWANG  
abdulhadi@kuis.edu.my

NURKALIZA KHALID  
nurkaliza@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### **ABSTRAK**

Pembangunan ummah adalah antara aspek penting dalam mencapai kemajuan sesebuah negara. Selari dengan syariat Islam, pembangunan ummah tidak hanya tertumpu pada hal keduniaan sahaja malah perlu diseimbangkan dengan hal-hal akhirat yang akhirnya dapat mencapai kejayaan al-falah. Namun, untuk menuju ke arah ummah al-Falah, institusi Islam perlu memainkan peranan penting di samping merangka strategi pembangunan fizikal dan rohaniah secara konkrit kepada masyarakat. Maka, untuk membincangkan perkara ini, kajian ini menumpukan transformasi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menuju ummah Al-Falah menerusi pemeraksanaan baitulmal. Sebanyak 275 set soal selidik telah diedar kepada responden yang pernah berurusan dengan MAIS (pelanggan MAIS) dan hasil kajian mendapati responden mempunyai kefahaman mendalam terhadap fungsi MAIS untuk menuju ummah Al-Falah yang diterapkan kepada masyarakat di negeri Selangor. Perbincangan juga mendapati ummah Al-Falah yang dilaksanakan oleh MAIS mempunyai ciri-ciri maqasid syariah Islam iaitu memelihara agama, harta, nyawa, keturunan dan akal.

*Kata kunci: Pembangunan Ummah, MAIS, MAIN*

### **PENDAHULUAN**

Masyarakat yang bertamadun dan membangun adalah antara ciri-ciri sesebuah negara yang mencapai kemajuan dalam meniti arus globalisasi ini. Bagi negara Islam, pembangunan ummah adalah untuk mencapai *al-falah* iaitu kejayaan yang tertumpu kepada kehidupan duniawi dan ukhrawi (Fadilah Mansor & Tengku Sarina, 2008). Ia juga merupakan perkara

yang dititik berat dan perlu diusahakan dalam melahirkan ummah yang seimbang. Sehubungan dengan itu, dalam memastikan pembangunan ummah sentiasa ditingkatkan, lima elemen penting dalam syariah Islam boleh diselusuri dalam menyumbang kepada pembangunan insan seseorang individu tersebut. Matlamat syariah Islam bertujuan untuk memelihara dan menjaga kepentingan dan keperluan manusia. Justeru itu, lima elemen dalam matlamat syariah Islam yang menyumbang kepada pembangunan insan adalah memelihara agama, harta akal, diri, dan keturunan (Roslan & Siti Aisyah, 2010) yang turut menyumbang kepada ummah Al-Falah.

Pembangunan insan adalah peneraju utama untuk membentuk kepada pembangunan keseluruhan ummah. Begitu juga, dengan peri pentingnya usaha dalam diri individu untuk meningkatkan pembangunan insan, namun untuk mencapai pembangunan ummah secara keseluruhan, perlu ada organisasi atau sebuah entiti yang bertanggungjawab dalam menjaga hal ehwal masyarakat Islam. Titah Raja Nazrin Di Kongres Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia (2011):

*Majlis Agama Islam diwujudkan melalui Undang-undang Tubuh Negeri sebagai Pihak Berkuasa Utama Negeri mengenai hal ehwal Islam selepas Raja Pemerintah. Selagi tindak tanduk MAJLIS tidak bercanggah dengan semangat Perlembagaan, Negara hendaklah mengiktiraf MAJLIS sebagai institusi strategik, berpotensi menyempurnakan tanggung jawab fardu kifayah, berperanan sebagai benteng terakhir dan terpenting untuk menjamin kelangsungan Islam dan survival ummah walau apa pun senario politik yang berlaku di dalam negara.*

Raja Nazrin turut bertitah lagi bahawa, MAJLIS perlu menimbangkan empat platform untuk diberikan fokus utama untuk berperanan lebih berkesan dalam membela nasib ummah.

1. Menyemak dan menghalusi dasar-dasar negara dan pelaksanaan dasar agar tidak bercanggah dengan semangat Perlembagaan dan tidak bertentangan dengan wasiat Raja-Raja Melayu.
2. Mengenal pasti, memantau, membantu dan memperlengkap usaha-usaha Negara untuk membangunkan taraf ekonomi, taraf pendidikan dan taraf sosioekonomi ummah.
3. Menerokai usaha untuk membangunkan modal insan dan modal sosial di kalangan ummah agar tidak tercicir dan ketinggalan dengan menyuntik perisian dan komponen latihan yang lebih relevan dengan keperluan guna tenaga semasa dalam institusi-institusi pendidikan agama di semua peringkat terutama di luar bandar.
4. Memaksimumkan kegunaan infrastruktur agama Islam yang sedia ada seperti masjid dan surau, dipelbagaikan aktiviti dan dibangunkan sebagai pusat pembangunan kecemerlangan ummah.

Sehubungan dengan itu, antara matlamat Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri adalah untuk bertanggungjawab dalam mentadbir pembangunan ummah di Malaysia (Hasliza 2011) dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan sosial negara. Namun perbezaan gerak kerja pelaksanaannya terletak kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) masing-masing untuk memikul tanggungjawab tersebut. Misalnya di Selangor, Majlis Agama Islam Selangor(MAIS) adalah organisasi yang bertanggungjawab dalam mengurus dan mentadbir pembangunan umat Islam di bawah pimpinan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

## **MAQASID SYARIAH DAN UMMAH AL-FALAH**

Memahami maqasid syariah bermakna menyedari matlamat Islam adalah untuk merealisasikan kesejahteraan manusia iaitu al falah (kejayaan di dunia dan akhirat) dalam ruang lingkup undang-undang syariah Islam (Thaib 2014). Menurut Hunter (2012), seperti yang dijelaskan dalam Islam, visi, misi dan objektif individu adalah untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat melalui pelaksanaan ibadah seiring dengan pematuhan terhadap undang-undang syariah. Transformasi ummah menurut Rosdi (2015) adalah ummah yang menjalani kehidupan untuk mardathillah iaitu untuk memperoleh kejayaan al-Falah di dunia dan akhirat dan sekaligus menekankan bahawa konsep ummah al-Falah ini perlu diaplikasikan di dalam pengurusan sebuah negara Islam.

Maqasid syariah adalah tujuan yang baik untuk dicapai melalui syariat menerusi pengharaman sebahagian perkara ataupun dengan mengharuskannya dan di sebalik hukum-hakam tersebut mempunyai hikmah di sebaliknya (Jasser Auda, 2014). Maqasid syariah seperti yang dijelaskan oleh Al-'Alim (1991) terbahagi kepada lima prinsip iaitu memelihara agama, nyawa, keturunan, akal dan harta. Kelima-lima perkara ini adalah keperluan asasi yang penting dan diperlukan oleh setiap manusia dalam sesebuah kehidupan (Rahimin et al. 2006). Penjelasan ini secara tidak langsung merumuskan bahawa jika kelima-lima elemen ini tidak dipelihara dengan baik akan memberi kesan kepada ummah Al-Falah kerana ia merupakan asas dalam kehidupan.

Pemeliharaan agama dalam maqasid syariah itu terbahagi kepada dua iaitu untuk umat Islam dan bukan Islam. Kepada umat Islam, memelihara agama itu adalah dengan menjaga akidah dan mempertahankan iman umat Islam daripada perkara yang bertentangan dengan kepercayaan Islam (Ibn 'Ashur, 1999), manakala bagi bukan Islam adalah pemeliharaan terhadap hak mereka iaitu tidak sah untuk mereka dipaksa kepada Islam atau hukum hakam Islam (Jasser Auda, 2014). Pemeliharaan terhadap agama menyumbang kepada ummah Al-Falah terutama kepada amal ma'ruf nahi munkar kerana melaluinya seluruh umat Islam akan mengamalkan ajaran Islam yang benar berdasarkan Al-Quran dan AsSunnah dan secara tidak langsung dapat memperkenalkan agama Islam kepada orang bukan Islam.

Allah mensyariatkan umat Islam agar memelihara harta dalam menjalani kehidupan melalui pelbagai bentuk mua'amalah seperti urusan jual beli, hibah, wakaf dan sebagainya serta Islam mengharamkan unsur-unsur penipuan, khianat, riba, kecurian serta wajib dikenakan ganti rugi ke atas harta-harta yang dirosakkan (Arrifin Mamat & Abdul Basir 2012). Ia menunjukkan bahawa kejayaan umat Islam melalui syariat yang mendidik umatnya agar memastikan sumber harta adalah dari cara yang benar serta bertanggungjawab ke atas pelakuan seseorang terhadap orang lain.

Selain itu, Islam turut melarang dan mengharamkan sesuatu perkara yang boleh memudaratkan umatnya kerana tuntutan maqasid syariah ini bertujuan untuk memelihara akal, nyawa dan keturunan bagi melindungi individu dan anggota masyarakat keseluruhannya (Azman & Mohd Al-Ikhsan 2010). Pemeliharaan terhadap akal, nyawa dan akal ini adalah aspek penting kepada ummah Al-Falah kerana ummah yang berkualiti datangnya dari individu yang berkualiti dan hidup dalam jemaah yang saling menyayangi dan hormat-menghormati.

## **MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS)**

Penubuhan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pada awalnya dikenali sebagai Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor di bawah seksyen 5, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam pada tahun 1952. Fungsi penubuhannya ketika itu adalah bertujuan

menasihati DYMM Sultan dalam hal-hal yang bersabit dengan Agama Islam dan Adat Melayu. Kemudian pada tahun 2003, nama dan identiti badan tersebut kemudiannya ditukar kepada satu pertubuhan perbadanan yang bernama Majlis Agama Islam Selangor (MAIS, 2014).

*“Maka hendaklah ada suatu badan bernama ‘Majlis Agama Islam Selangor’ untuk membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam perkara-perkara yang berhubung dengan agama Islam”.* (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor, 2003)

MAIS juga merupakan sebuah Badan Berkanun Negeri yang menjalankan hal ehwal yang berkaitan dengan agama Islam di Selangor. Identiti MAIS merupakan suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun yang mempunyai suatu perbadanan. Slogan MAIS iaitu menjunjung amanah bermaksud mematuhi dan menghormati titah perintah DYMM tuanku serta mematuhi peraturan dalam memastikan kemajuan ekonomi serta kesejahteraan sosial Negeri Selangor dilaksanakan. Kini MAIS bukan sahaja berperanan menasihati DYMM SULTAN namun menggalas tanggungjawab dalam menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Selangor selaras dengan hukum syarak.

## **TRANSFORMASI MAIS MENUJU UMMAH AL-FALAH**

Membina masyarakat yang berteraskan Al-Falah adalah perkara penting dalam memartabatkan agama Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa kegemilangan tamadun manusia terdahulu diterajui oleh umat Islam. Umat Islam ketika itu telah membuktikan bahawa mereka merupakan golongan ilmuwan disegani, ahli perdagangan yang berjaya, pentadbir yang cemerlang, negarawan yang ulung, ulama yang terbilang dan pelbagai lagi gelaran yang meletakkan imej Islam sebagai peneroka agenda pembangunan ummah. Seiring dengan misi MAIS untuk membangunkan ummah ke arah mendapatkan keredaan Allah menjadikan MAIS komited dalam membentuk rakyat Selangor ke arah ummah Al-Falah iaitu masyarakat beriman, berilmu, berakhlak dengan mewujudkan usaha-usaha dakwah yang berkesan dan menjadikan MAIS sebagai institusi agama yang proaktif.

Sehubungan dengan itu, pelbagai gerak kerja dan agenda dirangka dan dilaksanakan bagi MAIS merealisasikan misi memartabatkan pembangunan umat Islam khususnya di Negeri Selangor. MAIS turut mengorak langkah dengan melahirkan agenda Pelan Transformasi MAIS pada tahun 2011 di mana pelan ini akan membimbing MAIS bergerak secara holistik dengan perkembangan dunia sekarang. Penekanan 6 faktor penting iaitu islah (pembaikan), taghyir (pengubahan), tajdid (pembaharuan), ihya' (penyemarakan), tabdil (penggantian), dan hijrah mampu menjadikan MAIS sebagai agensi utama membangunkan ummah ke arah mendapatkan keredhaan Allah (Mohd Affendi, 2011).

Islah adalah suatu usaha dakwah untuk mengajak umat Islam dalam memperbaiki kehidupan harian (Ab. Aziz, 2005), taghyir pula bertujuan untuk perubahan yang dilakukan dalam mengatasi kelemahan ummah dan negara Islam (M Asrar & Badlihisam, 2012) untuk memenuhi keperluan kepada kemajuan sama ada dari aspek keilmuan akidah, akhlak, muamalah, pembangunan ummah ekonomi dan sebagainya. Tajdid bermaksud pembaharuan untuk kefahaman seluruh masyarakat Islam dan bukan Islam terhadap amalan agama Islam kepada keadaan asalnya seperti yang diwahyukan kepada Rasulullah s.a.w. (Wan Adli & Mohamad Kamil, 2012).

Seperti yang dinyatakan oleh Mohd Afendi (2014) melalui temu bualnya dalam Sinar Harian, Ihya' adalah konsep kepada memakmurkan, menghidupkan atau menyemarakkan

sesuatu perkara dan di MAIS konsep ihya' ini dibawa kepada program ihya' kod etika (Mohd Affendi, 2011). Tabdil pula adalah suatu penggantian dari sesuatu perkara kepada perkara yang lain bersesuaian dengan keadaan semasa misalnya seperti yang dinyatakan oleh Rahimin Affandi et al. (2010) prinsip tabdil yakni pengantian seperti tayamum sebagai ganti wudu'.

Konsep-konsep yang dinyatakan tersebut iaitu islah, taghyir, tajdid, ihya', tabdil dan hijrah telah diimplementasi dalam Pelan Transformasi untuk memacu transformasi yang dilakukan oleh institusi MAIS. Manakala Wan Mohd Allwee (2011) menyatakan bahawa bagi transformasi di dalam organisasi bermaksud menyediakan ruang untuk memperbaharui, menambahbaik, menyemarakkan, mengubah, mengganti, membentuk dan memindah dalam setiap sektor atau elemen penting dalam institusi MAIS termasuklah aspek kemanusiaan, kepimpinan, strategi, polisi, teras perniagaan dan perkhidmatan, sistem, struktur, budaya, perundangan, rancangan dan kegiatan. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman responden terhadap peranan dan fungsi perkhidmatan MAIS dalam membangunkan ummah.

## **MENUJU UMMAH AL-FALAH MELALUI BAITULMAL**

Baitulmal berasal dari bahasa arab dan terdiri daripada dua perkataan iaitu *Al-Bait* dan *Al-Mal*. *Al-Bait* bererti "rumah" manakala *Al-Mal* bererti "harta" dan jika digabungkan kedua-dua perkataan tersebut membawa maksud rumah harta. Jika disebut secara lisan al-Arab ianya merujuk kepada rumah yang menerima sesuatu harta dan menyimpankannya untuk diagihkan. Raimi et al. (2013) menjelaskan bahawa perkataan Baitulmal itu sendiri merujuk kepada perbendaharaan orang Islam yang ditubuhkan bagi melindungi harta sesebuah negara dan masyarakat.

Baitulmal merupakan pengurusan harta orang Islam yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah sehingga dikembangkan fungsi pada zaman Khalifah Umar kira-kira pada tahun 20 Hijrah. Secara ringkasnya, Possumah & Ismail (2012) menjelaskan bahawa pada zaman Rasulullah s.a.w tiada tempat yang khusus dan Baginda menjadikan masjid sebagai perbendaharaan negara untuk menyimpan harta negara (Akanbi, 2012) kerana sumber yang terhad dan masalah lebih harta juga tidak timbul kerana pendapatan yang diperolehi bersamaan dengan jumlah yang dibelanjakan. Baitulmal telah melalui proses perkembangan bermula pada zaman Khalifah Abu Bakar As-Siddiq sehinggalah zaman pemerintahan Khalifah Ali Bin Abi Talib yang membawa perubahan besar kepada Baitulmal. Proses penambahbaikan ini diteruskan lagi di bawah pemerintahan Kerajaan Islam.

Salah satu pemerintahan kerajaan Islam ialah Khalifah Umar Abdul Aziz di negara Iraq, Iran, Syria dan Mesir telah ditakluki oleh umat Islam (Abdullah 2003). Sehubungan dengan itu, pendapatan negara yang diperolehi melalui penaklukan tersebut telah dihantar ke pusat pemerintahan di Madinah dan untuk menguruskan sumber pendapatan tersebut, Khalifah Umar memandang serius terhadap peranan Baitulmal dalam mentadbir sumber kewangan dan menyimpannya di tempat yang selamat. Selain itu, ia juga memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara dan turut memberi keuntungan kepada negara. Menurut Pheng et al. (2007) Khalifah Umar bin Abdul Aziz menyimpan dana Islam di dalam Baitulmal yang terdiri daripada dua sumber iaitu sumber primer dan sekunder.

Sumber primer, Nor (2013) menjelaskan ianya termasuklah Zakat, Ufti (zakat yang dipungut setiap tahun daripada kafir *zimmi* yang menetap di bawah naungan Islam), *Kharaaj* (cukai yang dikenakan ke atas tanah yang dimiliki atau ditakluki dengan cara paksaan, kekerasan atau tanah yang dimiliki dengan cara berdamai), *'Usyur* dan Seperlima Daripada *Ghanimah* (harta rampasan perang) dan *Fai'e* (harta milik orang kafir yang dimiliki tanpa

melalui peperangan dan tidak menggunakan peralatan perang). Sumber kedua pula adalah berdasarkan kepada hartanah tanpa diketahui pemiliknya, harta orang murtad dan harta pusaka orang yang sudah meninggal dunia tanpa pewaris. Secara keseluruhannya dana zakat semakin bertambah disebabkan hasil perniagaan, dagangan dan pertanian rakyat dan pertambahan rakyat yang memeluk agama Islam.

Sejak itu, Possumah & Ismail (2012) menjelaskan lagi, Baitulmal telah menjadi institusi yang penting dalam negara Islam. Tambahan lagi, Baitulmal turut mengendalikan pelbagai perkara dari harta pengeluaran Zakat (juga cukai), infaq, sedekah untuk membina kemudahan awam seperti jalan raya, jambatan, sewa tentera dan juga sosial atau kepentingan awam yang lain. Selain itu, harta yang diperolehi tersebut digunakan untuk membiayai perbelanjaan negara, pembangunan ekonomi dan sebagainya.

Pada masa kini di Malaysia, pelaksanaan Baitulmal telah disesuaikan dengan kehendak perlembagaan Malaysia dengan merujuk kepada jadual ke Sembilan (9) perlembagaan. Baitulmal juga terletak di bawah struktur kuasa perundangan negeri. Jadual keSembilan (9) Perlembagaan menyenaraikan hak kerajaan negeri termasuk hakpenentuan hukum agama yang berkaitan dengan harta seperti zakat, wakaf, Baitulmal dan yang berkaitan dengan hal-ehwal agama di mana pada masa ini dan dalam konteksnya di negeri Selangor adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).

Pada awal penubuhan Bahagian Harta Baitulmal di MAIS ia dikenali sebagai Bahagian Sumber AM. Namun setelah mesyuarat MAIS Bil 1/2005 yang bersidang pada 14 April 2005 Bahagian Sumber AM telah diberi nafas baru dengan nama Bahagian MAL. Bahagian ini terdiri daripada tiga elemen penting iaitu Unit Wakaf, Unit Wasiat dan Amanah serta Unit Faraid. Penubuhan Bahagian MAL bertujuan untuk menguruskan harta umat Islam yang merangkumi wakaf, wasiat, harta amanah dan harta lebihan harta faraid di Negeri Selangor. Ini menepati Seksyen 5 (4) dan seksyen 89 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 iaitu:Seksyen 5(4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 menyatakan:

*"Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah."*

Manakala Seksyen 89 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 menyatakan:

*"Majlis menjadi pemegang amanah tunggal wakaf, nazr dan amanah."*

Objektif harta baitulmal ini adalah untuk mempertingkatkan kecekapan pengurusan pendaftaran, pembangunan dan penyebaran maklumat harta wakaf, faraid, wasiat dan amanah bagi mana-mana amanah dengan lebih sistematik, cekap dan berkesan. Baitulmal MAIS bertanggungjawab dalam menguruskan wakaf, wasiat dan amanah, serta harta lebihan *faraid*. Selain itu baitulmal MAIS juga berperanan menguruskan wang tidak patuh, wang orang berhutang, wasiat, hibah, harta luqatah, tabung sumbangan anak yatim dan pungutan khairat.

MAIS berperanan dalam menguruskan harta Luqatah. Harta luqatah adalah barang yang ditemukan, di suatu tempat yang bukan milik seorang. Misalnya, seorang muslim menjumpai akan suatu barang lalu ia khuatir tersia-sia barang itu, kemudian ia memungutnya. Penemu harta tersebut hendaklah menyerahkan harta yang dijumpai ke Ibu Pejabat MAIS atau Unit Harta Baitulmal Daerah, di Pejabat Agama Islam Daerah yang terdekat. Kemudian, pihak MAIS akan mengeluarkan notis penemuan Harta Luqatah di premis awam berhampiran Harta *Luqatah* tersebut ditemui.

Selain itu MAIS juga bertanggungjawab dalam menguruskan harta pusaka. Harta pusaka diuruskan oleh Baitulmal iaitu salah satu unit yang penting dalam Majlis Agama

Islam Selangor. Harta Pusaka merupakan salah satu sumber Baitulmal yang telah ditetapkan mengikut hukum *faraid* di mana Baitulmal merupakan tempat rujukan terakhir sekiranya sesuatu harta pusaka itu tiada pewaris atau terdapat baki harta setelah diberikan kepada waris-waris yang berhak.

MAIS juga turut menguruskan hibah. Dari segi bahasa bermaksud pemberian sama ada dalam bentuk ain atau selainnya. Dari segi istilahnya ialah suatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan (*iwad*). Antara perkhidmatan MAIS sediakan untuk menguruskan hibah adalah Permohonan Hibah Biasa dan Permohonan Hibah Pegangan Amanah kepada orang awam.

Sebagai sebuah organisasi ulung yang bertanggungjawab mentadbir dan memegang amanah harta-harta orang Islam, MAIS berperanan untuk menyampaikan maklumat dan pengetahuan kepada seluruh umat Islam berkenaan peri pentingnya mengurus harta secara bijaksana sebagaimana yang dituntut oleh hukum syarak. Sehubungan dengan itu, salah satu terimaan yang diperolehi di MAIS adalah melalui serahan wang tidak patuh syariah kepada Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor. Ia merupakan pilihan cara pelupusan yang utama, selamat dan meyakinkan serta mampu menyumbang kepada peningkatan sosio-ekonomi umat Islam. Wang tidak patuh syariah boleh dikatakan sebagai istilah baru bagi mengambil pakai penggunaan nama wang haram atau wang syubhah yang bersesuaian dengan arus kemodenan masyarakat ketika ini.

Menurut mazhab Syafie wasiat ialah pemberian suatu hak yang boleh dilaksanakan selepas berlakunya kematian pewasiat sama ada dengan menggunakan lafaz ataupun tidak. Manakala beberapa fuqaha' lain mentakrifkan wasiat sebagai suatu pemberian oleh seseorang kepada pihak yang lain sama ada benda, hutang atau manfaat untuk dimiliki oleh penerima wasiat akan pemberian tersebut selepas kematian pewasiat. Sehubungan dengan itu MAIS turut berperanan menguruskan harta wasiat dengan menempatkan pejabat agama Islam di beberapa daerah untuk memudahkan orang ramai berurusan dengan MAIS. Selain itu, MAIS juga menawarkan penyewaan kepada mana-mana pihak yang berminat untuk menyewa tanah, rumah, kedai dan pejabat milik MAIS.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian persepsi masyarakat terhadap peranan MAIS menuju ummah AL-Falah ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Data diperolehi melalui edaran kepada 275 orang responden yang pernah berurusan dengan MAIS (pelanggan MAIS). Sampel yang dipilih untuk kajian ini terdiri daripada kalangan penduduk negeri Selangor yang beragama Islam dan berusia melebihi 20 tahun. Berikutan populasi kajian yang besar, maka hanya tiga daerah di negeri Selangor telah dipilih, iaitu Petaling, Hulu Langat dan Gombak. Selain itu, kajian ini turut membincangkan beberapa data sekunder bagi mendapatkan maklumat berkenaan perkaitan antara transformasi MAIS menuju ummah Al-Falah dengan lima elemen maqasid syariah iaitu memelihara agama, harta, nyawa, akal dan keturunan.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

**Jadual 1: Jantina Responden**

Jantina	Pekerja Sektor Swasta dan Awam	Lain-lain (Suri rumah, pelajar, bekerja sendiri)
Lelaki	131	18
Perempuan	98	28
<b>JUMLAH</b>	<b>229</b>	<b>46</b>

**Jadual 2: Pekerjaan Responden**

Jantina	Pekerja Sektor Swasta dan Awam	Lain-lain (Suri rumah, pelajar, sendiri)
Lelaki	131	18
Perempuan	98	28
<b>JUMLAH</b>	<b>229</b>	<b>46</b>

Jadual 1 menunjukkan jantina responden mendapati 275 orang responden terdiri daripada 54.2% yang mewakili lelaki dan 45.8% adalah wanita. Jadual 2 pula menunjukkan demografi pekerjaan responden iaitu 181 responden lelaki dan 98 responden wanita merupakan pekerja sektor swasta. Kajian mendapati beberapa bahagian dalam institusi MAIS bertujuan untuk memastikan aktiviti organisasi MAIS berjalan dengan lancar dan seterusnya menyumbang kepada ummah Al-Falah dan sosial negeri Selangor. Antaranya adalah bahagian Harta Baitulmal dan bahagian Pemulihan Ar-Riqab.

**Jadual 3: Kefahaman Responden Terhadap Fungsi MAIS**

Kefahaman Responden Terhadap Fungsi MAIS	Min
Pelaksana program syiar Islam yang berimpak tinggi	3.38
Penjaga hal ehwal DYMM Sultan Selangor serta menjadi penasihat baginda.	3.44
Baitulmal yang menawarkan perkhidmatan pengurusan harta.	3.28
Pengurus perkhidmatan sewaan seperti tanah dan yang berkaitan.	3.14
Pengurus kebajikan Asnaf Riqab	3.28
<b>PURATA KESELURUHAN</b>	<b>3.30</b>

Jadual 3 menunjukkan hasil dapatan min yang diperolehi daripada masyarakat yang pernah berurusan dengan MAIS mendapati bahawa kefahaman terhadap fungsi MAIS sebagai penyumbang ummah Al-Falah adalah 3.30. Keadaan ini menunjukkan bahawa secara

Jantina	Bilangan (%)
Lelaki	149 (54.2%)
Perempuan	126 (45.8%)
<b>JUMLAH</b>	<b>275</b>



keseluruhan, responden mempunyai kefahaman mendalam terhadap peranan MAIS menuju ummah Al-Falah.

**Jadual 4: Kefahaman Responden Terhadap Perkhidmatan Baitulmal MAIS**

<b>Pemboleh Ubah Kefahaman</b>	<b>Purata</b>
Saya mengetahui bahawa Baitulmal adalah di bawah pengurusan MAIS.	3.30
Saya pernah mendengar dan mengetahui tentang Baitulmal melalui media serta melalui Internet (portal rasmi MAIS).	3.08
Saya mengetahui Baitulmal menawarkan perkhidmatan pengurusan harta luqatah (barang yang ditemukan), harta pusaka dan pengurusan wasiat.	3.10
Saya mengetahui Baitulmal menawarkan perkhidmatan pengurusan wang yang tidak patuh syariat dan hibah.	2.99
Saya mengetahui bahawa Baitulmal adalah di bawah pengurusan MAIS.	3.30
<b>PURATA KESELURUHAN</b>	<b>3.15</b>

Jadual 4 menunjukkan tahap kefahaman pelanggan MAIS terhadap perkhidmatan Baitulmal yang disediakan oleh MAIS. Keseluruhan purata bagi soalan-soalan berkaitan kefahaman masyarakat terhadap peranan MAIS sebagai Baitulmal ialah 3.15. Maka, dapatan ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan responden mempunyai kefahaman yang mendalam berkaitan peranan MAIS sebagai Baitulmal. Bagaimanapun soalan 4 berkaitan skop tugas Baitulmal yang menawarkan perkhidmatan pengurusan wang yang tidak patuh syariat dan hibah cuma memperolehi dapatan sebanyak 2.99 yang berada dalam kumpulan sederhana. Keadaan ini menunjukkan bahawa MAIS perlu menumpukan urusan promosi ke arah memaklumkan kepada masyarakat umum di Selangor bahawa Baitulmal di bawah penyeliaan MAIS turut menawarkan perkhidmatan tersebut.

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa MAIS berjaya melaksanakan tanggungjawab dan peranannya menuju ummah Al-Falah kerana kefahaman masyarakat yang mendalam terhadap fungsi MAIS tersebut. Seterusnya akan dibincangkan berkenaan perkaitan antara misi dan visi MAIS untuk membangunkan ummah dengan lima ciri maqasid syariah melalui dakwah, bahagian Harta Baitulmal dan bahagian Pemulihan Ar-Riqab. Pertamanya, memelihara agama dengan pelaksanaan dakwah. Kedua, memelihara harta melalui Baitulmal. Turut dibincangkan juga berkenaan pemeliharaan nyawa, keturunan dan akal melalui pemulihan dan perlindungan kepada asnaf Aq-Riqab.

### **Memelihara Agama dengan Berdakwah**

Sebagai usaha memelihara agama, umat Islam perlu mempertahankan agama Islam dan turut melarang murtad. Selain itu, agama Islam juga memberikan kebebasan beragama kepada orang bukan Islam kerana tiada paksaan dalam beragama. Walau bagaimanapun, menjadi tanggungjawab umat Islam agar menyampaikan dakwah kepada orang bukan Islam agar mengenali Islam dan kepada orang Islam sendiri agar tahap keimanan mereka dapat dipertingkatkan. Hal ini kerana dakwah merupakan amanah Ilahi kepada khalifah di muka bumi ini bagi menyeru seluruh umat agar mempercayai Allah sebagai Tuhan Yang Maha Esa,

beriman dengan malaikat, kitab, para rasul, hari akhirat dan qada' dan qadar. Tujuan utama berdakwah juga adalah mengajak manusia kepada akidah yang memberikan mereka manfaat atau menyelamatkan mereka dari kesesatan atau kecelakaan yang boleh memusnahkan mereka (Syed Muhammad Dawilah & Mohd Lutfi Solehan 2009).

*“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang munkar. Merekalah orang-orang yang beruntung.”* (Ali-imran: 104)

Selari dengan usaha memelihara agama Islam, MAIS menjalankan tanggungjawab dengan menyebarkan dakwah berkenaan agama Islam dan mewujudkan penubuhan bahagian pembangunan ummah di dalam sektor pembangunan sosial. Pembangunan ummah juga dikenali sebagai bahagian Intisyar bertanggungjawab untuk menguruskan pembangunan perkaderan, pendokumentasian dan menziarah saudara baru. Pembangunan ummah ini juga berperanan dalam menyebarkan dakwah kepada masyarakat bukan Islam dengan mengadakan beberapa aktiviti yang dapat menarik mereka untuk mengetahui Islam dengan lebih lanjut. Antara aktiviti dan program yang dianjurkan MAIS bersama dengan beberapa pertubuhan NGO Islam lain adalah program “*Street Dakwah*”, program “*Tradisi Bulan Puasa*” sebagai tanggungjawab sosial dakwah MAIS kepada orang bukan Islam dengan membuat agihan bubuk lambuk dan buah kurma kepada komuniti orang bukan Islam dan pelbagai lagi aktiviti dakwah lain.

### **Memelihara Harta dalam Baitulmal**

Islam menggalakkan umatnya agar memelihara harta dengan memastikan sumber harta yang diperolehi itu adalah dari jalan yang diredhai Allah. Hal ini kerana, setiap harta yang digunakan untuk perbelanjaan harian, makanan, dan keluarga akan menjadi darah daging.

*“Dan janganlah kamu memakan harta di antara kamu dengan jalan yang batil”.*  
(*Al-Baqarah: ayat 188*)

Selain itu, pengurusan kewangan dan ekonomi juga merupakan aspek penting dalam menentukan pembangunan ekonomi dan sosial di sesebuah negara. Dalam tamadun Islam misalnya telah dibuktikan bahawa pengurusan ekonomi negara Islam bermula dengan penubuhan Baitulmal sebagai tempat pengurusan kewangan negara. Baitulmal dikenali sebagai Perbendaharaan Negara atau institusi yang mengandungi harta negara yang menjadi hak rakyat (Abdul Monir, 2003). Syariah juga memperundangan kaedah agihan semula kekayaan dalam bentuk pelaksanaan ibadat sebagai motivasi utama untuk seseorang Muslim berkongsi kekayaan dan mengagih semula harta kepada orang lain (Shamsiah et al. 2010) . Agihan semula kekayaan ini turut dilaksanakan oleh baitulmal termasuklah menguruskan harta orang Islam dalam bentuk wakaf, sedekah, hibah dan sebagainya.

*“Perumpamaan (derma atau nafkah) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, adalah seperti sebiji benih yang tumbuh dan menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah amat luas (rahmat) kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui.”* (*Surah al-Baqarah:261*)

Pada masa kini di Malaysia, Baitulmal ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri dan terdapat juga pihak yang menggunakan istilah Baitulmal sebagai Bahagian Kewangan yang menguruskan harta majlis (Ahmad et al. 2007). Manakala di MAIS, pada awal penubuhan Bahagian Harta Baitulmal ia dikenali sebagai Bahagian Sumber AM. Namun setelah

mesyuarat MAIS Bil 1/2005 yang bersidang pada 14 April 2005 Bahagian Sumber Am telah diberi nafas baru dengan nama Bahagian MAL. Bahagian ini terdiri daripada tiga elemen penting iaitu Unit Wakaf, Unit Wasiat dan Amanah serta Unit Faraid. Penubuhan Bahagian MAL bertujuan untuk menguruskan harta umat Islam yang merangkumi wakaf, wasiat, harta amanah dan harta lebihan harta faraid di Negeri Selangor. Ini menepati Seksyen 5 (4) dan seksyen 89 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 iaitu: Seksyen 5(4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 menyatakan:

*"Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah"*

Manakala Seksyen 89 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 menyatakan :

*"Majlis menjadi pemegang amanah tunggal wakaf, nazr dan amanah."*

Tujuan penubuhan baitulmal MAIS ini adalah untuk mempertingkatkan kecekapan pengurusan pendaftaran, pembangunan dan penyebaran maklumat harta wakaf, faraid, wasiat dan amanah bagi mana-mana amanah dengan lebih sistematik, cekap dan berkesan. Baitulmal MAIS bertanggungjawab dalam menguruskan wakaf, wasiat dan amanah, serta harta lebihan faraid. Selain itu baitulmal MAIS juga berperanan menguruskan wang tidak patuh syariah, wang orang berhutang, wasiat, hibah, harta Luqatah, tabung sumbangan anak yatim dan pungutan khairat.

Sektor Iktisad yang ditubuhkan untuk menguruskan harta rakyat dan belanjawan korporat MAIS dan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu, bahagian Baitulmal, Kewangan dan Pengurusan Hartanah. Baitulmal MAIS bertanggungjawab dalam mengurus promosi harta baitulmal seperti wang tidak patuh, wang orang berhutang, wasiat, hibah, harta luqatah, tabung sumbangan anak yatim dan lain-lain serta mengurus permohonan, penyimpanan dan pelaksanaan sesuatu harta amanah masyarakat Islam. Bahagian Kewangan MAIS berperanan dalam menguruskan operasi kewangan, menyediakan dan mengawal belanjawan dan pengurusan pelaburan manakala bahagian Pengurusan Hartanah pula bertanggungjawab dalam menguruskan penyewaan tanah dan tanah wakaf MAIS.

### **Memelihara Nyawa, Akal dan Keturunan Melalui Pemulihan Ar-Riqab**

Umat Islam diharamkan melakukan pembunuhan sama ada pembunuhan diri ataupun membunuh orang lain. Selain itu, umat Islam juga diwajibkan memelihara keturunan dengan mengharamkan perlakuan zina yang boleh mengakibatkan pembuangan bayi. Begitu juga, dengan memelihara akal, umat Islam tidak boleh sewenang-wenangnya mengambil bahan terlarang yang boleh memberi kesan buruk terhadap pemikiran seperti arak dan dadah yang akhirnya boleh mengakibatkan kepada perlakuan haram yang lain. Umat Islam yang melanggar perintah Allah ini dan terus hidup bergelumang dalam maksiat dosa besar hukumnya.

*"Barang siapa yang membunuh seseorang, bukan kerana orang itu membunuh orang lain, atau bukan kerana membuat kerosakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh semua manusia. Barang siapa memelihara kehidupan seorang manusia, maka seakan-akan dia telah memelihara kehidupan semua manusia". (Al-Ma'idah: 32)*

*"Dan janganlah kamu mendekati zina;(zina) itu sungguh suatu perbuatan keji, dan suatu jalan yang buruk." (Al-Isra': 32)*

Maka, untuk menarik kembali umat Islam yang telah tersasar dari landasan Islam yang sebenar, MAIS telah melaksanakan konsep yang baharu dengan menubuhkan bahagian Pemulihan ar-Riqab yang bertanggungjawab untuk menyelaras dan menyelia aktiviti rumah kebajikan dan perlindungan di Negeri Selangor. Institusi pemulihan sosial ini bertindak dalam meningkatkan kemampuan sosial, fizikal dan mental individu dengan cara mengubah cara pemikiran, perasaan dan tingkah laku yang bersifat negatif atau destruktif (Siti Hajar et al. 2012). Selain itu, bahagian ini juga mengurus perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada individu dan kumpulan Islam yang memerlukan pemulihan akidah, mengurus perkhidmatan perlindungan dan pemulihan kaunseling kepada kumpulan wanita dan gadis yang terlibat dengan gejala sosial.

Pada asalnya, Riqab membawa maksud membebaskan hamba dan mereka tergolong dalam asnaf penerima zakat. Namun berbeza dengan keadaan sekarang ini, asnaf Riqab diberi penafsiran sebagai membebaskan seseorang dari terbelenggu di bawah satu kuasa yang menghalang kebebasan dirinya (Patmawati 2008). Selain itu, Ar-Riqab telah diperluaskan takrifnya oleh Fatwa Negeri Selangor iaitu golongan yang terperangkap dalam isu sosial melibatkan akidah seperti penagihan dadah, pelacuran, juvana dan banyak lagi dan mereka ini perlu dibantu untuk kembali ke pangkal jalan (Utusan 2014).

MAIS mengurus Al-Riqab sebagai fungsi melaksanakan tugas-tugas membebas, mengurus, melindungi, merawat dan memulih asnaf Al-Riqab supaya dapat menjalani kehidupan sempurna secara Islam melalui perantara mana-mana institusi, pusat, NGO Islam dan individu perseorangan yang dibenarkan oleh undang-undang dan Hukum Syara'. Antara masalah ummah yang dipantau dan dipulihkan oleh rumah pemulihan Al-Riqab adalah masalah sosial dan masalah akidah. Masalah sosial tersebut termasuklah dengan individu yang terbelenggu dengan dadah, terlibat dengan masalah jenayah syariah seperti minum arak, zina, mengandungi anak luar nikah, mempersendakan Al-Quran dan Hadis dan lain-lain yang berkaitan dengan Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995.

Selain itu, Al-Riqab juga bertanggungjawab dalam memulihkan masyarakat yang terbelenggu dengan gaya hidup songsang, kes juvana dan amalan salah dalam Islam seperti tidak solat, buang anak, usaha ingin membunuh diri dan hidup bersama pelacur. Masalah akidah tersebut termasuklah dengan individu yang terlibat dengan masalah syirik dan khurafat, mewujudkan doktrin palsu seperti mengaku menjadi nabi, menghina Islam, pemujaan salah dan memurnikan akidah orang Islam yang terpesong seperti orang yang ingin/berhasrat murtad dan Orang yang dalam proses Istitabah. Rumah perlindungan di bawah kawalan dan bantuan MAIS terbahagi kepada beberapa kategori iaitu perlindungan dan pemulihan kepada remaja lelaki dan wanita yang terlibat dalam Masalah Sosial, Terlanjur, Penagih Dadah, Penghidap AIDS dan HIV. Manakala rumah perlindungan yang berdaftar di bawah MAIS antaranya adalah Raudhatus Sakinah, PROKIM, Baitul Islah Rumah Kebajikan Perkid, Pusat Perlindungan Pernim, Kem Modal Insan Kewaja, Rumah Teduhan Kasih, Rumah Kebajikan Darul Islah dan sebagainya.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Dalam menuju ummah Al-Falah, kita disarankan agar menumpukan kepada akhlak masyarakat seiring dengan pembangunan fizikal. Selaras dengan tuntutan dan matlamat syariah Islam yang mementingkan kepada kesejahteraan individu dan umat Islam secara menyeluruh, ia menjadi dasar dan asas kepada usaha MAIS dalam membangunkan ummah melalui pemeliharaan terhadap agama, nyawa, harta, akal dan keturunan. Ianya dibuktikan apabila MAIS memelihara agama Islam dengan melaksanakan dakwah kepada masyarakat

bukan Islam dan berdakwah kepada masyarakat Islam untuk meningkatkan keimanan mereka. Selain itu, MAIS juga berperanan memelihara harta umat Islam dengan menguruskan harta yang diamanahkan oleh masyarakat untuk digunakan bagi kepentingan masalah umum melalui Baitulmal. Usaha MAIS menuju ummah Al-Falah juga dapat dilihat melalui maqasid syariah yang seterusnya iaitu memelihara nyawa, akal dan keturunan melalui pemulihan ar-Riqab dengan menyediakan rumah perlindungan dan pemulihan untuk remaja yang terlibat dengan masalah sosial.

Berdasarkan kepada lima elemen maqasid syariah Islam yang diterapkan oleh MAIS, transformasi MAIS boleh dipertingkatkan untuk mencapai ummah *al Falah* seperti yang dituntut dalam Islam. Melalui dapatan kajian juga menunjukkan kefahaman masyarakat mendalam terhadap peranan MAIS untuk mewujudkan ummah Al-Falah dalam kalangan penduduk Selangor adalah bukti bahawa MAIS berjaya melaksanakan tanggungjawab untuk menyumbang kepada pembangunan ummah. Melalui perbincangan, antara beberapa cadangan yang dianjurkan kepada MAIS dalam memperkasakan transformasi institusi MAIS untuk mencapai ummah Al-Falah adalah dengan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap fungsi MAIS dengan mempergiatkan kempen dan promosi terhadap peranan institusi MAIS. Selain itu, dicadangkan juga pembabitan MAIS yang proaktif bersama masyarakat seperti turun ke lapangan atau mengadakan karnival MAIS bersama masyarakat. Secara keseluruhannya pembangunan ummah yang dianjurkan oleh MAIS ini mengharapkan agar umat Islam dapat berubah ke arah yang lebih baik dan sekaligus mampu membina masyarakat yang maju dan berakhlak tinggi.

## **RUJUKAN**

- Ab. Aziz Mohd Zin (2005). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah Alwi Haji Hassan. (2003). Konsep dan Peranan Baitulmal di Zaman Kegemilangan Islam. dalam Nik Mustapha Hj. Nik Hassan (ed.), *Ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan*. Kuala Lumpur: PPZ dan MAIWP, 1-14.
- Abdul Monir Yaacob. (2003). Konsep dan Peranan Baitulmal di Zaman Kegemilangan Islam. dalam Nik Mustapha Hj. Nik Hassan (ed.), *Ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan*. Kuala Lumpur: PPZ dan MAIWP, 1-14.
- Ahmad Che Yaacob, Razali Daud, Roslim Mohamad, Basaruddin Shah Basri & Mohd Bahrin Othman. (2007). *The Roles Of Baitulmal In Malaysia Towards Implementing Business Fund Scheme*. Laporan Akhir Penyelidikan UITM.
- Akanbi, M. M. (2012). The Case For The Integration. *African Journal of Social Sciences*, 2(2), 41-66.
- Al-'Alim, Yusuf Hamid. 1991. *Al-Maqasid Al-'Ammah Li Al-Syari'Ah Al-Islamiyyah*. Virginia USA: International Institute of Islamic Thought.
- Arifin Mamat & Abdul Basir Mohamad. (2012). Peranan Maqasid al-Shariah dalam Fikah Kontemporari: Satu Kajian Terhadap Fatwa Muamalat Yusuf al-Qaradawi. In: National Seminar on Contemporary Fiqh: Issues and Challenges, 18-19 December 2012, IIUM, Gombak.
- Azman Mohd Noor & Mohd Al-Ikhsan Ghazali. (2010). Penyalahgunaan Dadah Dan Kewajaran Peruntukan hukuman Mati Ke Atas Pengedar Dadah Di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Fiqh*, 7, 29-48.
- Fadillah Mansor & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2008). Pembangunan modal insan dari perspektif pengurusan Islam. *Journal of Al-Tamaddun*, 3: 85-109.

- Hasliza Hassan. (2011). Kongres bincang tingkat citra MAIN gembleng sumber ekonomi ummah, 22September.  
[http://www2.bharian.com.my/articles/kongresbincangtingkatcitraMAINgemblengsumberekonomiummah/Article/print\\_html](http://www2.bharian.com.my/articles/kongresbincangtingkatcitraMAINgemblengsumberekonomiummah/Article/print_html). Retrieved by 30 Oktober 2013.
- Hunter, M. (2012). *Towards an Islamic business model: A tawhid approach*. International Journal of Business and Technopreneurship, 2(1), 121-135.
- Ibn 'Ashur, Muhammad Tahir. 1999. *Maqasid Al-shari'ah Al-Islamiyyah*. Amman:Dar Al-Nafais
- Jasser Auda. (2014). *Mudahnya Maqasid Syariah*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn Bhd
- M. Asrar Bin Sidon & Badlihisham Mohd Nasir. (2012). Perspektif Guru j-Qaf terhadap Islam hadhari: kajian di Sekolah-sekolah Kebangsaan Daerah Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Hadhari*, 4(1): 1-22.
- Mohd Afendi Mohd Rani. (2014). Nikmatnya berbudi pada tanah, 19 September. ditemu ramah oleh Syahidatul Akmal Dunya.  
<http://www.sinarharian.com.my/rencana/nikmatnya-berbudi-pada-tanah-1.318131>, Retrieved by 12 November 2014.
- Mohd Affendi Othman (2011). *Peringkat Inisiatif-Inisiatif Transformasi*. MAIS NEWS,Jun. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) .
- Nor, R. M. (2013). Pengurusan Baitumal Era Pemerintahan Khalifah Umar Bin Abdul Aziz. *Jurnal Al-Tamaddun*, 8(2): 81-88.
- Patmawati Hj Ibrahim. (2008). Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal. *Shariah Journal*, 16( 2):223-244
- Possumah, B. T., & Ismail, A. G. (2012). Baitul Mal and Legal Constraint: Public Wealth Management in Malaysian Context. *International Journal of Academic Research in Business*. 2(11):27-52
- Pheng, M., Lee, and Ivan, J.D. (2007) *Islamic Banking and Finance Law*, Malaysia: Pearson Longman
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail, & Idris Awang. (2006). Pendekatan Baru Maqasid Al-Shariah Dalam Pengajian Syariah Di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Fiqh*. 3: 35-80
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli & Nor Hayati Md Dalal. (2010). Pembaharuan Pemikiran hukum Islam di Indonesia. *Journal of Southeast Asian Studies*. 15:13-37
- Raimi, L. S. (2013). Embedding Islamic Financial System (IFS) in the Curricula of Schools in Nigeria. *Journal of Business Administration and Education*, 2(2), 65-84.
- Rosdi, M. S. B. M. (2015). Conceptualization of Islamic Political Economy. *American International Journal of Islamic Science*, 4.
- Roslan Abu Bakar & Siti Aisyah. (2010) Pembangunan masyarakat ke arah kesejahteraan berteraskan pembangunan insan. In: Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejangat, 24-25 Februari 2010, Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam
- Shamsiah Mohamad, Asmak Ab Rahman & Sharifah Hayaati Syed Ismail (2010) Kesejahteraan Ummah Dan Agihan Semula Kekayaan Menurut Perspektif Islam. In: Seminar Serantau Islam dan Kesejahteraan Sejangat, 24-25 Februari 2010, Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei Darussalam.
- Siti Hajar Abu Bakar, Noralina Omar, Abd Hadi Zakaria & Haris Abd Wahab. (2012). Intervensi sosial untuk komuniti tersisih: ke arah pembangunan ummah. *Jurnal Hadhari*, 4(2), 29-44.
- Syed Muhammad Dawilah Al Idrus & Mohd Lutfi Solehan. 2009. Peranan Ict dalam penyebaran dakwah dalam era globalisasi. Seminar Kebangsaan Dakwah Islamiah Di Ipt Dan Komuniti. Dewan Tunku Ibrahim Ismail UTHM, Batu Pahat, 2-3 Disember

- Thaib, L. (2014). Political Power-Sharing from Islamic Perspective (Tahaluf al-Siyasi Fi al-Islam): Muslim's Experience in Malaysia. *Journal of Islamic Studies*, 2(4), 19-30.
- Titah Diraja Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Nazrin Shah. 2011. Kongres Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia. 26 September 2011, Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.
- Utusan Online (2014). Takrif baharu 'riqab' golongan terperangkap isu sosial perlu diterima pakai, 26 Jun.  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20140626/dn\\_18/Takrif-baharu-riqab-golongan-terperangkap-isu-sosial-perlu-diterima-pakai](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140626/dn_18/Takrif-baharu-riqab-golongan-terperangkap-isu-sosial-perlu-diterima-pakai) Retrieved by 30 Oktober 2014.
- Wan Adli Wan Ramli & Mohamad Kamil Hj Ab Majid. 2012. Pertimbangan Teoretikal Dalam Proses Tajdid Semasa. *Jurnal Usuluddin*. 35: 47-60.
- Wan Mohd Allwee Wan Ismail. *Peringkat Inisiatif-Inisiatif Transformasi*. MAIS NEWS, Jun. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).